

BAB

# 6

## PERBANKAN, KEWANGAN DAN PENTADBIRAN PERTUKARAN ASING





## 1. SISTEM KEWANGAN DI MALAYSIA

- 1.1 Bank Pusat
- 1.2 Institusi Kewangan
  - 1.2.1 *Industri Kewangan Islam*
  - 1.2.2 *Institusi Kewangan Pembangunan*

## 2. PEMBIAYAAN SEMULA KREDIT EKSPORT

- 2.1 Kaedah Pembiayaan
- 2.2 Tempoh dan Margin Pembiayaan
- 2.3 Pembayaran Balik

## 3. PASARAN MODAL DI MALAYSIA

- 3.1 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- 3.2 Bursa Malaysia

## 4. PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN

- 4.1 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA)
- 4.2 Menjalankan Perniagaan di Labuan IBFC
- 4.3 Aktiviti-Aktiviti Perniagaan Labuan IBFC

## 5. PERATURAN PENTADBIRAN PERTUKARAN ASING

- 5.1 Peraturan yang terpakai bagi Bukan Pemastautin
  - 5.1.1 *Pelaburan di Malaysia*
  - 5.1.2 *Kebolehcapaian kepada pembiayaan domestik*
  - 5.1.3 *Penjelasan bayaran bagi perdagangan barang dan perkhidmatan*
  - 5.1.4 *Lindung nilai*
  - 5.1.5 *Akaun-akaun ringgit dan mata wang asing*
- 5.2 Peraturan yang terpakai bagi Pemastautin
  - 5.2.1 *Pelaburan dalam asset-asset mata wang asing*
  - 5.2.2 *Peminjaman dalam pesisir dan luar pesisir*
  - 5.2.3 *Import dan eksport barang dan perkhidmatan*
  - 5.2.4 *Lindung nilai*
  - 5.2.5 *Akaun mata wang asing*

# PERBANKAN, KEWANGAN DAN PENTADBIRAN PERTUKARAN ASING

## 1. SISTEM KEWANGAN DI MALAYSIA

Sistem kewangan Malaysia merangkumi pelbagai jenis institusi untuk memenuhi keperluan ekonomi domestik yang pelbagai dan kompleks. Sistem kewangan ini terdiri daripada sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam yang wujud bersama dan beroperasi seiring.

### 1.1 Bank Pusat

Matlamat utama Bank Negara Malaysia (Bank), yang merupakan Bank Pusat Malaysia, adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif untuk pertumbuhan mampan ekonomi Malaysia. Fungsi-fungsi utama Bank, seperti yang termaktub di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009, adalah untuk:

- membentuk dan melaksanakan dasar monetari di Malaysia;
- mengeluarkan mata wang di Malaysia;
- mengawal selia dan mengawasi institusi-institusi kewangan yang tertakluk pada undang-undang yang dikuatkuasa oleh Bank;
- mengawasi pasaran wang dan pertukaran asing;
- mengawasi sistem pembayaran;
- menggalakkan sistem kewangan yang teguh, progresif dan inklusif;
- memegang dan mengurus rizab asing Malaysia;
- menggalakkan rejim pentadbiran pertukaran asing negara ini; dan
- bertindak sebagai penasihat, kepada pihak Kerajaan, khususnya berkenaan dengan dasar-dasar makroekonomi.

### 1.2 Institusi Kewangan

Jadual berikut memberikan gambaran keseluruhan bilangan institusi kewangan di bawah bidang tugas Bank Negara Malaysia sehingga akhir bulan Disember 2018:

	Jumlah	Institusi Kawalan Malaysia	Institusi Kawalan Asing
Bank Perdagangan	26	8	8
Bank Islam	16	10	6
Bank Islam Antarabangsa	2	0	2
Bank Pelaburan	11	11	0
Syarikat Insurans	33	13	20
Pengendali Takaful (Syarikat Insurans Islam)	15	8	3
Syarikat Insurans Semula	7	2	5
Pengendali Takaful Semula (Syarikat Insurans Semula Islam)	4	1	3
Institusi Kewangan Pembangunan	6	6	0


Sistem perbankan, yang terdiri daripada bank-bank perdagangan, bank-bank pelaburan, dan bank-bank Islam, merupakan penggerak utama dana dan sumber utama pembiayaan yang menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi di Malaysia. Institusi-institusi perbankan beroperasi melalui rangkaian lebih daripada 2,400 cawangan dan 7,190 bank ejen di seluruh negara. Terdapatnya juga 17 buah pejabat perwakilan bank asing di Malaysia yang tidak mengusahakan perniagaan perbankan tetapi menjalankan penyelidikan, perkhidmatan perhubungan dan pertukaran maklumat. Enam kumpulan perbankan Malaysia wujud di 23 buah negara melalui cawangan, pejabat perwakilan, anak syarikat, penyertaan ekuiti dan usaha sama di seluruh dunia, termasuk di semua negara ASEAN.

Institusi-institusi kewangan bukan bank, iaitu institusi kewangan pembangunan, syarikat insurans dan pengendali takaful, melengkapkan institusi-institusi perbankan dalam mobilisasi wang simpanan dan memenuhi keperluan kewangan ekonomi negara. Syarikat-syarikat insurans dan pengendali-pengendali takaful yang beroperasi melalui rangkaian lebih daripada 690 buah pejabat dan 170,000 ejen berdaftar di seluruh negara menyediakan saluran bagi pengurusan risiko dan penyelesaian perancangan kewangan untuk perniagaan dan individu.

### 1.2.1 Industri Kewangan Islam

Industri kewangan Islam di Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan yang teguh, disokong oleh rangka kerja tadbir urus kawal selia, perundangan dan Syariah yang komprehensif, pemain industri yang pelbagai dan penyedia perkhidmatan sampingan yang profesional, serta bakat berkualiti tinggi.

% Bahagian Pasaran daripada Jumlah Industri:  
Aset Perbankan Islam dan Aset Takaful



Sumber: Bank Negara Malaysia


Industri perbankan Islam menyumbang sebanyak 31.4% (RM916.7 bilion) daripada jumlah aset perbankan pada akhir tahun 2018, memperluas peranannya sebagai komponen utama keseluruhan sistem kewangan di Malaysia sejak pelaksanaan Rangka Tindakan Sektor Kewangan 2011-2020. Pelbagai produk yang kompetitif dan inovatif ditawarkan oleh lebih daripada 40 buah institusi kewangan (termasuk bank Islam, tetingkap Islam bank konvensional dan pelaburan, bank Islam antarabangsa dan Institusi Kewangan Pembangunan) dengan matlamat untuk memberikan kesan yang positif dan mampan terhadap komuniti, ekonomi dan alam sekitar.

Bagi sektor takaful pula, jumlah aset takaful merupakan 10.5% (RM31.4 bilion) daripada bahagian pasaran bagi jumlah sektor insurans dan takaful pada akhir tahun 2018. Kadar penembusan bagi pasaran takaful keluarga dicatat pada 15.2%, menunjukkan bahawa faedah-faedah yang disediakan oleh skim takaful semakin diterima oleh orang ramai.

Untuk menyokong pembangunan sektor kewangan Islam di Malaysia, akaun pelaburan telah diperkenalkan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) untuk memberi para pelanggan peluang untuk melabur dan berkongsi keuntungan daripada aktiviti pelaburan patuh Syariah. Akaun pelaburan juga memberikan peluang tambahan kepada perniagaan untuk mengakses pembiayaan. Pada masa ini, sebanyak 9 bank Islam menawarkan akaun pelaburan.

Di peringkat global, Malaysia tetap merupakan pusat global terkemuka untuk pasaran kewangan Islam. Malaysia merupakan pasaran sukuk yang terbesar di dunia dengan bahagian 50.4% daripada sukuk global belum lunas, yang berjumlah sebanyak USD215.2 bilion pada akhir tahun 2018.

Aset Dana Islam di bawah  
Pengurusan (AuM) mengikut Domisil  
(pada akhir tahun 2018)



Sumber: Anggaran MIFC, Thomson Reuters

Dari segi pengurusan kekayaan Islam, Malaysia merupakan domisili bagi jumlah dana Islam yang terbesar dan menyumbang 37.2% daripada bahagian pasaran global, dengan aset di bawah pengurusan (AuM) sebanyak USD27.3 bilion pada akhir tahun 2018. Malaysia juga menduduki tempat pertama di peringkat global dari segi bilangan dana, menyumbang 28.2% daripada bahagian global dengan sebanyak 409 dana berdaftar. Pada masa ini, terdapatnya 53 buah syarikat pengurusan dana yang mengurus dana Islam di Malaysia.

### 1.2.2 Institusi Kewangan Pembangunan

Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) di Malaysia ialah institusi kewangan khas yang ditubuhkan oleh pihak Kerajaan dengan mandat khusus untuk membangunkan dan menggalakkan sektor-sektor utama yang dianggap penting secara strategik untuk mencapai objektif pembangunan sosioekonomi keseluruhan bagi negara ini. Sektor-sektor strategik ini termasuk sektor pertanian, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), infrastruktur, maritim dan sektor-sektor yang berorientasikan eksport, serta industri-industri intensif modal dan teknologi tinggi.

Sebagai institusi khusus, DFI menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan khusus yang sesuai dengan keperluan spesifik sektor strategik yang disasarkan. Perkhidmatan sampingan dalam bentuk perkhidmatan rundingan dan nasihat juga disediakan oleh DFI untuk memupuk dan membangunkan sektor-sektor yang dikenal pasti. Oleh itu, DFI melengkapkan institusi perbankan dan bertindak sebagai saluran strategik untuk merapatkan jurang bekalan produk dan perkhidmatan kewangan kepada bidang-bidang strategik yang dikenal pasti bagi tujuan pembangunan ekonomi jangka panjang.

Pada tahun 2002, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA) telah digubal untuk menggalakkan keteguhan DFI dari segi kewangan dan operasi melalui amalan mampam dan rangka kerja kawal atur dan penyeliaan yang diperlukan, membolehkan institusi-institusi ini melaksanakan peranan yang diberikan mandat secara berhemat, cekap dan berkesan. Dengan penggubalan DFIA, Bank Negara telah dilantik sebagai badan kawal atur dan penyelia pusat bagi DFI.

Enam DFI telah ditetapkan di bawah DFIA, seperti berikut:

- Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana atau SME Bank, yang menyediakan perkhidmatan pembiayaan dan nasihat kepada perusahaan bersaiz kecil dan sederhana yang terlibat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan;
- Bank Pembangunan Malaysia Berhad, yang menyediakan pembiayaan jangka sederhana dan panjang bagi projek infrastruktur, maritim, industri-industri berintensif modal dan teknologi tinggi dalam sektor perkilangan dan sektor-sektor lain selaras dengan dasar pembangunan negara;
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, sebuah bank koperasi yang menggalakkan simpanan dan menyediakan perkhidmatan kewangan kepada ahli-ahli dan bukan ahli;
- Export-Import Bank of Malaysia Berhad atau EXIM Bank, yang menyediakan kemudahan kredit untuk menyokong pengeksportan dan pengimportan barang dan projek luar negara serta menyediakan perkhidmatan insurans dan jaminan kredit eksport;
- Bank Simpanan Nasional memberikan tumpuan kepada perbankan runcit dan pembiayaan persendirian, terutamanya untuk penyimpan kecil, dan menyokong agenda rangkuman kewangan inklusif dengan menyediakan perkhidmatan mikroewangan dan perbankan ejen; dan
- Bank Pertanian Malaysia Berhad atau Agrobank, yang menerima deposit simpanan dan menyediakan perkhidmatan pembiayaan dan nasihat untuk menyokong pembangunan sektor dan komuniti pertanian.

Dalam usaha yang berterusan untuk memperkuuh DFI, DFIA telah dipinda untuk mempertingkatkan peranan perantaraan institusi dalam menyokong sektor ekonomi strategik di tengah-tengah persekitaran operasi yang mencabar. Pindaan tersebut memberikan tumpuan kepada pengukuhan lanjut amalan tadbir urus korporat dan peningkatan kecekapan operasi serta keupayaan dan kemampuan DFI untuk melaksanakan peranan yang diberikan mandat dengan lebih berkesan. Pindaan DFIA diluluskan di Parlimen pada bulan Julai 2015 dan mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2016.

## 2. PEMBIAYAAN SEMULA KREDIT EKSPORT-i

Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i (ECR-i) menyediakan pembiayaan Prapenghantaran dan Pascapenghantaran jangka pendek kepada pengeksport langsung atau tidak langsung. Pembiayaan ini tersedia untuk Syarikat Pengilang atau Perdagangan yang diperbadankan di Malaysia yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti eksport dan perdagangan antarabangsa. Syarikat dengan barisan kredit ECR-i yang diatur dengan institusi kewangan yang menyertai skim ini (Bank ECR-i) layak mendapat dua jenis kemudahan seperti berikut:-

- (i) ECR-i Prapenghantaran; dan
- (ii) ECR-i Pascapenghantaran

Kemudahan ECR-i Prapenghantaran dibangunkan oleh EXIM Bank untuk memudahkan pengeksportan produk Malaysia dan perdagangan sebelum penghantaran dan untuk menggalakkan rantaian hubungan antara pengeksport dan pembekal tempatan dalam industri berorientasikan eksport.

Kemudahan ECR-i Pascapenghantaran merupakan pembiayaan pendahuluan kepada pengeksport untuk membiayai pengeksportan atau perdagangan selepas penghantaran.

### 2.1 Kaedah Pembiayaan

Di bawah kemudahan ECR-i Prapenghantaran terdapat dua (2) kaedah pembiayaan yang diberikan kepada pengeksport langsung/ tidak langsung:-

#### i. Kaedah berdasarkan pesanan:-

Bagi pengeksport langsung, pembiayaan ECR-i prapenghantaran adalah dengan kemudahan bayaran pendahuluan terhadap bukti pesanan eksport, manakala untuk pengeksport tidak langsung, pembiayaan ini merupakan bayaran pendahuluan terhadap Surat Kredit Domestik (DLC) ECR-i, Pesanan Belian Domestik (DPO) ECR-i atau Pesanan Belian Tempatan (LPO) yang dikeluarkan atas nama pengeksport.

#### ii. Kaedah Sijil Prestasi (CP):-

Bagi pengeksport langsung/ tidak langsung, prapenghantaran dibuat terhadap CP yang dikeluarkan oleh EXIM Bank. Had pembiayaan adalah berdasarkan had CP untuk tempoh sah selama setahun.

Di bawah kemudahan ECR-i pascapenghantaran, kaedah pembiayaan yang digunakan adalah melalui pembelian bil eksport dengan diskau, yang dengannya pembiayaan diberikan terhadap pengemukaan dokumen eksport kepada Bank ECR-i.

## 2.2 Tempoh dan Margin Pembiayaan

Tempoh maksimum pembiayaan di bawah ECR-i prapenghantaran dan ECR-i pascapenghantaran, masing-masing adalah selama empat bulan (120 hari) dan enam bulan (183 hari).

Bagi kaedah berdasarkan Pesanan Prapenghantaran, amaun pembiayaan yang layak untuk Pengeksport Langsung adalah sehingga sembilan puluh lima (95) peratus daripada nilai pesanan eksport atau sembilan puluh lima (95) peratus daripada DLC ECR-i, DPO ECR-i atau LPO untuk Pengeksport Tidak Langsung.

Untuk kaedah berdasarkan Prapenghantaran CP, had CP ialah amaun yang layak untuk pembiayaan. Had CP diasingkan ke dalam tiga tempoh dan setiap tempoh adalah selama 4 bulan. Amaun pembiayaan layak untuk Pengeksport Langsung yang terlibat dalam perkilangan dan perdagangan ialah seratus peratus (100%) daripada Nilai Eksport bagi tempoh 12 bulan sebelumnya. Manakala, amaun pembiayaan layak untuk Pengeksport Tidak Langsung yang terlibat dalam perkilangan dan perdagangan ialah lapan puluh peratus (80%) daripada Nilai Eksport bagi tempoh 12 bulan sebelumnya.

Di bawah kaedah Pascapenghantaran, amaun pembiayaan ialah seratus peratus (100%) daripada nilai invois eksport.

## 2.3 Pembayaran Balik

Bagi pengeksport langsung, sumber pembayaran balik untuk pembiayaan Prapenghantaran adalah hasil eksport yang diterima daripada pembeli luar negeri/ hasil pascapengiriman yang diterima daripada bank-bank ECR-i. Bagi pengeksport tidak langsung, sumber pembayaran balik untuk pembiayaan Prapengiriman hendaklah dibuat daripada hasil jualan tempatan yang diterima daripada pengguna ECR-i, syarikat Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zone atau FTZ)/ syarikat Gudang Pengilangan Berlesen (Licensed Manufacturer Warehouse atau LMW).

Bagi pembiayaan pascapenghantaran bayaran balik yang kena dibayar hendaklah ditunaikan apabila hasil eksport diterima atau apabila bil pascapenghantaran menjadi matang, yang mana lebih awal.

Kemudahan ini tersedia dalam bentuk pembiayaan Islam berdasarkan kontrak Syariah/konsep Murabahah atau Tawarruq (Prapenghantaran) dan Tawarruq (Pascapenghantaran), sama ada dalam Ringgit Malaysia (RM) atau Dolar Amerika Syarikat (USD).

Untuk maklumat lanjut mengenai Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i (ECR-i), sila lawati [www.exim.com.my](http://www.exim.com.my)

## 3. PASARAN MODAL DI MALAYSIA

### 3.1 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bertanggungjawab terhadap pengawalseliaan dan pembangunan pasaran modal Malaysia. Sebagai suatu agensi pengawalseliaan pendanaan kendiri, SC mempunyai kuasa-kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.

Ditugaskan untuk membangunkan pasaran modal yang inovatif, berdaya saing dan cemerlang, SC terus mendorong pertumbuhan yang inklusif dan mampan. SC komited untuk membangunkan pasaran modal dan institusi pengawalseliaan yang boleh diakses, pantas dan bertanggungjawab.

### Membangunkan Pasaran Modal Malaysia

Pada tahun 2018, pasaran modal Malaysia berjumlah RM3.1 trilion, bersamaan dengan 2.2 kali saiz ekonomi domestik. Malaysia merupakan peneraju global dalam pasaran modal Islam dengan ekuiti patuh Syariah dan sukuk belum lunas yang bernilai RM1.9 trilion, dan terus merupakan pasaran sukuk yang terbesar di dunia.

Berasaskan keupayaannya dalam pasaran modal Islam, SC telah mendorong usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau untuk pembiayaan yang mampan. Berikut penerbitan sukuk hijau pertama di dunia yang diakui pada peringkat antarabangsa pada tahun 2017, SC telah mewujudkan Skim Bantuan Sukuk SRI Hijau yang bernilai RM6 juta pada tahun 2018 untuk memberikan insentif kepada penerbitan Sukuk pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab (sustainable and responsible investment atau SRI). Sehingga akhir tahun 2018, sejumlah lima sukuk SRI hijau telah diterbitkan, yang menyokong dana yang telah diperoleh sebanyak RM2.4 bilion.

### Menyokong Ekonomi Sebenar

Pasaran modal Malaysia menyediakan pembiayaan untuk ekonomi sebenar. Pada tahun 2018, jumlah dana yang diperoleh melalui penerbitan bon, sukuk dan ekuiti adalah sebanyak RM114.6 bilion. Saluran alternatif bagi mendapatkan dana untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana seperti ekuiti pendanaan ramai (equity crowdfunding) dan pembiayaan setara (peer-to-peer financing) berjumlah RM261.5 juta yang diperoleh oleh 693 penerbit.

SC memberikan tumpuan kepada pembangunan ekosistem boleh yang menyediakan ketercapaian, sambil memastikan perlindungan pelabur dan kecekapan pengantaraan. Mandat terasnya adalah untuk mengawal selia dan memastikan pertumbuhan pasaran dilaksanakan dengan tujuan untuk melindungi pelabur, termasuk inisiatif untuk meningkatkan kecelikan kewangan dan pelaburan.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my).

### **3.2 Bursa Malaysia**

Bursa Malaysia Berhad adalah sebuah syarikat pemegangan bursa yang ditubuhkan pada tahun 1973 dan disenaraikan pada tahun 2005. Kini, ia merupakan salah satu bursa yang terbesar di ASEAN, dan menjadi pemangkin kepada lebih daripada 900 buah syarikat dalam 60 aktiviti ekonomi. Syarikat disenaraikan sama ada dalam Pasaran Utama untuk syarikat modal besar yang mapan, atau dalam Pasaran ACE untuk syarikat baru muncul pelbagai saiz. Pada tahun 2017, pasaran baru yang dipanggil LEAP diperkenalkan untuk menyediakan jalan bagi perusahaan saiz kecil dan sederhana untuk mendapatkan dana dalam pasaran modal. LEAP merupakan jenis pasaran seumpamanya yang pertama di ASEAN, membolehkan Malaysia mengatasi negara lain di rantau ini dari segi inovasi pasaran modal.

Sebagai bursa yang bersepadu sepenuhnya, Bursa Malaysia menawarkan jenis produk yang komprehensif termasuk ekuiti, terbitan, kontrak hadapan dan opsyen, aset luar pesisir dan Islam, serta perkhidmatan berkaitan bursa seperti penyenaraian, perdagangan, penjelasan, penyelesaian dan depositori. Di samping itu, Bursa menawarkan pilihan pelaburan lain, termasuk skim pelaburan kolektif seperti Dana Dagangan Bursa (ETF), Amanah Pelaburan Hartanah (REIT), Bon dan Sukuk Dagangan Bursa (ETBS) dan Amanah Perniagaan.

Bursa Malaysia menggunakan indeks KLCI Bursa Malaysia FTSE sebagai indeks utamanya. Sepanjang 10 tahun yang lalu (2009-2018), indeks penanda aras FBMKLCI telah meningkat sebanyak 93%, sementara jumlah permodalan pasaran bagi semua syarikat yang tersenarai pada Bursa Malaysia telah meningkat sebanyak 156%. Pasaran ekuiti Malaysia terus mencatat pertumbuhan walaupun terdapatnya peningkatan ketaktentuan dalam pasaran ekuiti global. Nilai Harian Purata saham yang diperdagangkan juga telah mencatat kenaikan sebanyak 112% sepanjang tempoh yang sama. Minat pelabur asing terhadap pasaran Malaysia tetap stabil dengan peratusan pemilikan asing dicatat melebihi 22% secara konsisten. Pertumbuhan yang mampan juga dilihat dalam aset Islam. Nilai sukuk yang disenaraikan pada Bursa Malaysia telah mencatat peningkatan sebanyak 204% sejak tahun 2009.

Bursa Malaysia juga merupakan pusat perdagangan hadapan minyak sawit yang terbesar di dunia, dan Kontrak Hadapan Minyak Sawit Mentah (Crude Palm Oil Futures atau FCPO), yang dilancarkan 35 tahun yang lalu, telah lama diakui dan dirujuk sebagai penanda aras harga global untuk industri minyak sawit.

Tumpuan utama Bursa Malaysia dalam pasaran modal Islam telah membolehkan Bursa itu menjadi pembeza utama dalam menawarkan produk-produk yang unggul. Sebagai bursa utama dalam ruang pasaran modal Islam, Bursa Malaysia telah mempelopori beberapa inovasi termasuk Bursa Malaysia-i – iaitu platform pelaburan Syariah hujung ke hujung yang pertama di dunia, dan Bursa Suq-Al-Sila’ – platform perdagangan komoditi patuh Syariah hujung ke hujung yang pertama di dunia.

Dalam ruang tadbir urus dan kemampunan korporat, Bursa Malaysia mencipta nama di barisan depan rantau ini sebagai sebuah bursa yang bertanggungjawab, penyokong kuat tadbir urus korporat dan pejuang agenda kemampunan. Pada tahun 2014, Bursa itu telah memperkenalkan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia untuk mengukur prestasi syarikat yang menunjukkan amalan persekitaran, sosial dan tadbir urus yang baik, dan memperkuuh komitmennya untuk menggalakkan strategi kemampunan di kalangan penerbit dan pasaran pada bulan Mei 2015 apabila Bursa Malaysia menyertai inisiatif Bursa Saham Mampan (SSE) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ketika Bursa Malaysia menuju ke arah memenuhi visinya untuk menjadi pasaran yang terkemuka, bertanggungjawab dan terhubung pada peringkat global di ASEAN, ia akan terus memberikan tumpuan kepada inisiatif-inisiatif untuk memperluas jangkauan dan tawarannya, dan menggalakkan ekosistem pasaran modal kondusif yang mewujudkan banyak peluang bagi para peserta pasaran untuk berkembang dan mencapai nilai yang dicari oleh mereka.

Untuk maklumat lanjut mengenai Bursa Malaysia, sila lawati [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com)

#### **i. Peserta Pasaran**

##### **a) Syarikat Broker Saham**

Sehingga 31 Disember 2012, terdapat 33 buah syarikat broker saham, yang mana 12 buah syarikat daripadanya dikategorikan sebagai Bank Pelaburan. Bank-bank ini menawarkan perkhidmatan dalam urusan sekuriti yang tersenarai di Bursa Sekuriti Malaysia. Bank pelaburan memegang lesen perniagaan bank saudagar yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perbankan dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (BAFIA) serta lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Oleh itu, bank pelaburan dapat menawarkan skop penuh pasaran modal dan perkhidmatan kewangan yang bersepadu termasuk kewangan korporat, perdagangan sekuriti hutang dan urus niaga dalam sekuriti. Satu syarikat broker saham masih memegang status broker universal. Broker sejagat boleh menawarkan perkhidmatan pasaran modal yang bersepadu.

##### **b) Peserta Dagangan**

Peserta dagangan ialah syarikat yang memiliki sekurang-kurangnya satu Saham Keutamaan Derivatives Bursa Malaysia. Peserta tersebut menjalankan perniagaan sebagai broker niaga hadapan yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007. Sehingga 31 Disember 2018, terdapat 18 Peserta Dagangan yang dilesenkan untuk menjalankan perdagangan derivatif.

## ii. Perlindungan Pelabur

Bursa Malaysia amat mementingkan perlindungan pelabur dan integriti pasaran untuk memastikan pasaran modal berfungsi dengan baik dan mampan. Bursa Malaysia mencapai perkara ini dengan mengekalkan rangka kerja kawal selia yang komprehensif dan mantap untuk mentadbir pasaran dan para pesertanya secara adil, teratur dan cekap.

Untuk tujuan ini, Bursa Malaysia telah menetapkan peraturan-peraturan yang jelas, komprehensif dan boleh diakses, yang dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa peraturan tersebut tetap relevan, berkesan dan ditanda aras terhadap standard antarabangsa pengawalseliaan pasaran. Hal ini bertujuan untuk memastikan peraturan itu memberikan tahap perlindungan pelabur yang mencukupi, tetapi tidak mengakibatkan kos pematuhan yang membebankan atau menghalang kemudahan menjalankan perniagaan dan pertumbuhan.

Dalam menjalankan fungsi pengawalseliaannya, Bursa Malaysia juga memberikan tumpuan yang signifikan untuk memastikan ketelusan yang mencukupi dalam pasaran dan memperbaik tadbir urus dan tingkah laku syarikat tersenarai dan pengantara. Bursa itu terus meningkatkan standard pendedahan serta tadbir urus korporat dan amalan kemampunan melalui, antara lain, pendekatan penyeliaan dan program pendidikan bantuan. Di samping itu, pemantauan yang ketat dan langkah-langkah proaktif memastikan pengesanan dan pengendalian yang tepat pada masanya terhadap aktiviti korporat dan perdagangan luar aturan dan tidak wajar.

Perkara ini telah menyumbang kepada pasaran yang dikawal selia dengan baik dan disokong oleh tahap perlindungan pelabur yang mencukupi, yang dalamnya budaya kawal selia kendiri dan kualiti amalan oleh peserta pasaran terus diperkuuh, dan pasaran terus beroperasi secara adil dan teratur.

Keteguhan pengawalseliaan pasaran telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dan beberapa pencapaian penting termasuk perkara yang berikut:

- Di ruang tadbir urus korporat, Malaysia telah meningkat dari tempat ke-7 kepada tempat ke-4 dalam CG Watch 2018, suatu pemeringkatan tadbir urus korporat serantau yang dikendalikan oleh Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia.
- Malaysia mendapat tempat ke-2 antara 190 buah negara di bawah kategori Melindungi Pelabur Minoriti berdasarkan Skor Pemeringkatan & Kemudahan Menjalankan Perniagaan Bank Dunia pada bulan Mei 2018.

## iii. Pengurusan Risiko

Bursa Malaysia telah mewujudkan fungsi pengurusan risiko terpusat yang disepadukan dengan fungsi kepatuhan untuk memberikan pandangan yang holistik dan merangkumi seluruh urus niaga berkenaan dengan pengurusan risiko dan kepatuhan dalam Kumpulannya.

Bursa Malaysia menggunakan Garis Panduan mengenai Infrastruktur Pasaran Kewangan yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; amalan terbaik seperti Pengurusan Risiko - Prinsip dan Garis Panduan ISO 31000:2009; dan rangka kerja Prinsip-Prinsip untuk Infrastruktur Pasaran Kewangan (PFMI) yang diterbitkan oleh Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO) untuk menguruskan risiko perniagaan dan operasinya.

Salah satu daripada ciri utama rangka kerja pengurusan risiko usaha niaga Bursa Malaysia ialah pelaksanaan tiga barisan pertahanan yang merangkumi tanggungjawab dan akauntabiliti fungsian yang mapan dan jelas untuk pengurusan risiko. Hal ini adalah untuk memastikan terdapatnya penentuan sempadan yang jelas berkenaan dengan pengurusan risiko dan tanggungjawab pematuhan di bawah setiap barisan pertahanan bagi memastikan adanya tahap semakan dan imbalan (check and balance) yang mencukupi serta lebih kebebasan.

Rangka kerja pengurusan risiko Bursa Malaysia tersirat dalam dokumen Pengurusan Risiko Urus Niaga dan Prinsip-Prinsip & Rangka Kerja (ERMPF) yang terpakai untuk semua entiti perniagaan dalam kumpulan Bursa Malaysia. Dengan pembentukan rangka kerja pengurusan risiko, akauntabiliti, kuasa dan tanggungjawab pihak-pihak yang berkaitan dalam Bursa Malaysia untuk menguruskan risiko, termasuk melaksanakan dan mengekalkan proses pengurusan risiko serta memastikan kecukupan, keberkesan dan kecekapan mana-mana kawalan telah digariskan dengan jelas. Dalam rangka kerja tersebut, terdapatnya proses yang mapan dan berstruktur untuk pengenalpastian, penilaian, komunikasi, pemantauan serta kajian semula risiko dan keberkesan strategi dan kawalan pengurangan risiko secara berterusan pada peringkat bahagian dan usaha niaga. Analisis dan penilaian risiko Bursa Malaysia dijalankan dengan berpandukan parameter risiko yang diluluskan.

## **4. PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN**

### **4.1 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA)**

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) ialah badan berkanun yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pentadbiran Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC). Peranan utama Labuan FSA adalah untuk melesenkan dan mengawal selia entiti berlesen yang beroperasi di Labuan IBFC dan untuk memastikan bahawa semua entiti tersebut tetap mematuhi standard terbaik dalaman dan antarabangsa yang diterima pakai oleh bidang kuasa itu. Hal ini adalah untuk melindungi kepentingan para pelabur serta mengekalkan keteguhan persekitaran kawal selia di Labuan IBFC.

Sebagai pihak berkuasa yang mengawal selia untuk Labuan IBFC, Labuan FSA komited untuk mengekalkan kedudukan Labuan IBFC sebagai pusat kewangan antarabangsa yang dikawal selia dengan baik dan mempunyai reputasi yang bagus di Asia Pasifik manakala promosi IBFC dijalankan oleh cabang pemasaran Labuan FSA, Labuan IBFC Incorporated Sdn. Bhd. (Labuan IBFC Inc). Labuan IBFC Inc. mempunyai pasukan sumber dan pakar untuk membantu para pelabur berkenaan dengan bidang kuasa dan pelbagai jenis penyelesaian perkhidmatan kewangannya, baik konvensional maupun Islam.

### **4.2 Menjalankan Perniagaan di Labuan IBFC**

Labuan IBFC mempunyai kedudukan yang strategik di tengah-tengah Asia Pasifik dan ditempatkan sebagai laluan untuk pelaburan masuk dan keluar dari rantau ini, dan memberikan para pelabur keseimbangan yang fiskal dan ideal dan kepastian dalam bidang kuasa pesisir pertengahan. Disokong oleh rangka kerja undang-undang yang mantap dan komprehensif, Labuan IBFC menyediakan peruntukan undang-undang yang jelas dan dilengkapi dengan pelbagai jenis struktur perniagaan dan pelaburan untuk keperluan transaksi rentas sempadan, urusan perniagaan dan pengurusankekayaan.

Pelbagai struktur syarikat Labuan serta produk dan perkhidmatan konvensional dan Islam komprehensif yang memenuhi pelbagai keperluan pelabur yang menyumbang bagi menjadikan Labuan sebagai sebuah pusat perniagaan antarabangsa yang menarik dan platform bagi penduduk pemastautin dan bukan pemastautin untuk melabur di luar negara. Sistem penyampaian yang cekap serta piagam pelanggan yang berorientasikan pelanggan terus memudahkan keperluan perniagaan para pelabur.

Entiti yang diperbadankan/didaftarkan di Labuan IBFC menikmati banyak kelebihan, termasuk kos operasi yang rendah serta kemudahan insentif cukai dan akses kepada perjanjian triti cukai dua kali yang ekstensif melalui rangkaian triti cukai dua kali Malaysia. Di bawah sistem percuakan Labuan, entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan Labuan:

- i. boleh membayar cukai setiap tahun pada kadar 3% daripada keuntungan bersih yang telah diaudit. Pada masa ini, cukai tidak dikenakan ke atas entiti Labuan yang menjalankan aktiviti bukan perdagangan;
- ii. juga boleh membuat pilihan yang tidak boleh dibatalkan untuk membayar cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Hal ini akan memberikan lebih banyak kelonggaran kepada entiti Labuan untuk menstrukturkan transaksi perniagaannya dengan berkesan, dan mewujudkan keadaan percuakan yang lebih menggalakkan bagi para pelabur yang beroperasi di atau melalui Labuan IBFC; dan
- iii. Entiti Labuan juga boleh membayar Zakat Perniagaan sebagai ganti cukai. Pihak Kerajaan juga telah memberikan pelbagai pengecualian cukai untuk menarik lebih ramai pelabur dan perkhidmatan profesional bagi mewujudkan kehadiran mereka di Labuan IBFC.

### **4.3 Aktiviti-Aktiviti Perniagaan Labuan IBFC**

Labuan IBFC menawarkan penyelesaian kewangan yang komprehensif untuk produk dan perkhidmatan berdasarkan prinsip-prinsip konvensional dan berdasarkan Syariah, yang meliputi produk perbankan, insurans dan berkaitan insurans, perniagaan syarikat amanah dan aktiviti pasaran modal.

Di samping itu, IBFC terus menawarkan produk khusus lain termasuk pengurusan kekayaan (yayasan), insurans semula/takaful semula, pemajakan dan perdagangan komoditi. Pelbagai jenis struktur perniagaan yang berkesan dari segi kos seperti Syarikat Pemegangan Labuan, Syarikat Sel Terlindung Labuan, Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan dan Amanah Khas juga tersedia.

Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan (Labuan International Commodity Trading Company atau LITC) yang diperkenalkan pada tahun 2011 di bawah Program Insentif untuk Perdagangan Global memberikan insentif kepada syarikat perdagangan antarabangsa untuk menubuhkan LITC di Labuan IBFC dan mendagangkan petroleum / produk berkaitan petroleum, termasuk gas asli cecair (liquefied natural gas atau LNG).

Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) melengkapkan kemudahan perbankan tradisional melalui tawaran perkhidmatan pemerolehan modal sepenuhnya dengan akses tanpa had kepada pasaran antarabangsa melalui aktiviti penyenaraian, perdagangan dan penyelesaian instrumen atau kemudahan kewangan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Labuan IBFC, sila lawati [www.labuanibfc.com](http://www.labuanibfc.com).

## **5. PERATURAN PENTADBIRAN PERTUKARAN ASING**

Malaysia terus mengekalkan sistem pentadbiran pertukaran asing (FEA) yang progresif. Peraturan FEA merupakan sebahagian daripada langkah-langkah berhemat yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memastikan kestabilan kewangan, khususnya untuk melindungi kedudukan imbalan pembayaran dan nilai Ringgit Malaysia. Pada masa yang sama, peraturan FEA juga bertujuan untuk memudahkan aktiviti rentas sempadan oleh entiti di Malaysia untuk mengukuhkan daya saing Malaysia memandangkan tahap keterbukaan ekonomi yang tinggi dari segi perdagangan, pelaburan dan aliran kewangan.

### **5.1 Peraturan yang terpakai bagi Bukan Pemastautin**

#### **5.1.1 Pelaburan di Malaysia**

Pasaran Malaysia mudah diakses oleh para pelabur global, dengan mobiliti aliran masuk dan aliran keluar modal yang bebas untuk pelaburan di Malaysia.

- Pelabur bukan pemastautin adalah bebas untuk melabur dalam sebarang bentuk aset ringgit sama ada sebagai pelaburan langsung atau pelaburan portfolio;
- Pelaburan boleh dibiayai melalui penukaran mata wang asing kepada ringgit dengan bank dalam pesisir berlesen<sup>1</sup> (tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen) atau pejabat luar negeri yang dilantik<sup>2</sup> bagi bank dalam pesisir berlesen; dan
- Bukan pemastautin bebas untuk memindah keluar hasil jualan pelaburan, keuntungan, dividen atau apa-apa pendapatan yang timbul daripada pelaburan di Malaysia dengan syarat dana tersebut dipindah keluar dalam mata wang asing.

#### **5.1.2 Kebolehcapaian kepada pembiayaan domestik**

##### **i. Pinjaman dalam mata wang asing**

- a) Bukan pemastautin bebas untuk meminjam sebarang jumlah mata wang asing daripada bank tempatan berlesen. Hasil pinjaman boleh digunakan dalam pesisir atau seberang laut; dan
- b) Bukan pemastautin juga bebas untuk menerbitkan sukuk/bon dalam jenis mata wang asing di Malaysia untuk kegunaan di dalam pesisir atau seberang laut.

##### **ii. Pinjaman dalam ringgit**

- a) Bukan pemastautin selain institusi kewangan bebas untuk meminjam sebarang jumlah dalam ringgit daripada bank tempatan berlesen (tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen), syarikat pemastautin dan individu pemastautin untuk membiayai aktiviti dalam sektor benar di Malaysia;
- b) Bukan pemastautin selain institusi kewangan juga bebas untuk meminjam sebarang jumlah dalam ringgit untuk pembiayaan margin daripada entiti pemastautin dengan lesen broker saham yang dikeluarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 untuk membiayai pembelian sekuriti dan instrumen kewangan yang diperdagangkan pada Bursa Malaysia; dan
- c) Dengan kelulusan BNM, bukan pemastautin juga boleh mendapatkan pembiayaan dalam ringgit di Malaysia melalui penerbitan sukuk/bon dalam mata wang ringgit<sup>3</sup>. Hasilnya boleh digunakan dalam pesisir atau luar pesisir, tertakluk pada pertimbangan berdasarkan kes mengikut kes.

#### **5.1.3 Penjelasan bayaran bagi perdagangan barang dan perkhidmatan**

Bukan pemastautin boleh membuat bayaran penjelasan bagi perdagangan antarabangsa barang dan perkhidmatan dengan pemastautin dalam mata wang asing atau ringgit melalui bank dalam pesisir berlesen atau pejabat luar negara yang dilantik.

#### **5.1.4 Lindung Nilai**

Bukan pemastautin bebas untuk melindung nilai melibatkan ringgit mereka untuk transaksi akaun semasa dan kewangan dengan bank dalam pesisir berlesen (tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen) dan pejabat luar negara yang dilantik.

#### **5.1.5 Akaun-akaun ringgit dan mata wang asing**

Tiada pembatasan ke atas bukan pemastautin untuk membuka –

- i. akaun mata wang asing dengan mana-mana bank dalam pesisir berlesen untuk memudahkan pelaburan dan operasi perniagaan di Malaysia. Dana dalam akaun ini bebas dihantar ke luar negara; dan

<sup>1</sup> Bank dalam pesisir berlesen bermaksud bank berlesen dan bank pelaburan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

<sup>2</sup> Senarai pejabat luar negeri yang dilantik boleh didapati pada pautan [http://www.bnm.gov.my/documents/aoo/list\\_of\\_aoo\\_country\\_20190419.pdf](http://www.bnm.gov.my/documents/aoo/list_of_aoo_country_20190419.pdf)

<sup>3</sup> Maklumat lanjut mengenai penerbitan sukuk/bon dalam mata wang ringgit dan mata wang asing boleh didapati pada pautan <http://www.bnm.gov.my/microsite/fxadmin/notices/Jointinfonote.pdf>

- ii. akaun ringgit dengan mana-mana institusi kewangan. Akaun-akaun ini boleh didana dengan ringgit daripada jualan mata wang asing berdasarkan transaksi semerta<sup>4</sup> atau sebarang pendapatan ringgit yang diperoleh daripada pelaburan mereka di Malaysia termasuk faedah, sewa, keuntungan, dividen atau hasil jualan aset ringgit mereka. Dana dalam akaun-akaun ini boleh dikirimkan ke luar negara setelah ditukar kepada mata wang asing dengan bank dalam pesisir berlesen.

## 5.2 Peraturan yang terpakai bagi Pemastautin

### 5.2.1 Pelaburan dalam aset-aset mata wang asing

- i. Pemastautin tanpa pinjaman ringgit domestik<sup>5</sup> bebas untuk membuat pelaburan dalam aset mata wang asing di luar negeri atau di luar negara bagi sebarang amaun.
- ii. Entiti pemastautin dengan pinjaman ringgit domestik bebas membuat pelaburan di luar negara sehingga had berhemat sebanyak RM50 juta bagi agregat setiap tahun kalender atas dasar kumpulan korporat dengan menggunakan dana mata wang asing yang diperoleh daripada penukaran ringgit. Akaun Mata Wang Asing Perdagangan, pinjaman mata wang asing yang diperoleh daripada bank dalam pesisir berlesen untuk tujuan selain daripada pelaburan langsung di luar negara atau melalui pertukaran aset kewangan.

### 5.2.2 Peminjaman dalam pesisir dan luar pesisir

#### i. Pinjaman dalam mata wang asing

- a) Entiti pemastautin bebas untuk meminjam sebarang jumlah pinjaman mata wang asing daripada:
  - Bank dalam pesisir berlesen;
  - Syarikat pemastautin dan bukan pemastautin dalam kumpulan entiti korporatnya;
  - Pemegang saham langsung pemastautin dan bukan pemastautin; dan
  - Pemastautin lain melalui penerbitan sekuriti hutang dalam mata wang asing.
- b) Pinjaman mata wang asing oleh entiti pemastautin daripada institusi kewangan bukan pemastautin dan entiti bukan pemastautin, yang bukan merupakan sebahagian daripada kumpulan entiti korporatnya, tertakluk pada had berhemat sebanyak jumlah yang bersamaan dengan RM100 juta secara agregat atas dasar kumpulan korporat.

#### ii. Pinjaman dalam ringgit

- Entiti pemastautin bebas mendapatkan pinjaman ringgit sebanyak:
  - a) Sebarang jumlah daripada syarikat bukan pemastautin dalam kumpulan entiti korporatnya dan pemegang saham langsung bukan pemastautin untuk membiayai aktiviti dalam sektor yang dijalankan di Malaysia; atau
  - b) Sehingga RM1 juta secara agregat daripada mana-mana bukan pemastautin selain daripada institusi kewangan bukan pemastautin untuk penggunaan di Malaysia.

### 5.2.3 Import dan eksport barang dan perkhidmatan

Semua hasil daripada pengeksportan barang mestilah diterima dan dipindah secara langsung dan dengan segera ke Malaysia sepenuhnya mengikut kontrak jualan eksport yang tidak boleh melebihi tempoh enam bulan dari tarikh pengiriman eksport. Bayaran penjelasan dengan bukan pemastautin boleh dibuat dalam ringgit atau mata wang asing.

### 5.2.4 Lindung Nilai

Pemastautin dibenarkan untuk menjual ringgit terhadap mata wang asing secara hadapan dengan bank dalam pesisir berlesen (tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen) untuk melindung nilai pendedahan mata wang asing mereka sehingga dua belas (12) bulan dari masa obligasi mata wang asing mereka<sup>6</sup>.

### 5.2.5 Akaun mata wang asing

Pemastautin bebas untuk membuka akaun mata wang asing dengan bank dalam pesisir dan institusi kewangan bukan pemastautin.

Untuk butiran lanjut mengenai peraturan-peraturan pentadbiran pertukaran mata wang di Malaysia, sila lawati <http://www.bnm.gov.my/fxadmin>.

<sup>4</sup> Semesta bermaksud pembelian dan penjualan sebarang jenis mata wang untuk pengiriman dalam tempoh dua hari perniagaan

<sup>5</sup> Pinjaman ringgit domestik bermaksud pinjaman dalam ringgit yang diperoleh oleh suatu pemastautin daripada pemastautin lain, tidak termasuk meminjam daripada entiti pemastautin yang berkaitan tetapi termasuk kemudahan kad kredit yang diperoleh daripada bank dalam pesisir berlesen.

<sup>6</sup> Obligasi mata wang asing merujuk kepada pembayaran pengimportan mata wang asing, pembayaran balik pinjaman mata wang asing dan transaksi akaun semasa lain dalam mata wang asing dengan bukan pemastautin.